

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	5/9/2019	MUKA SURAT : 31
JABATAN	:	KATS / YBTM / PAIP	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Aduan penduduk disiasat

**Paip akan
diminta jawab
dakwaan
bekalan air; pili
bomba ditutup**

NOR KHALILAH GUSTI
HASSAN

KUANTAN

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan mendapatkan penjelasan Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) berhubung aduan penduduk mengenai bekalan air dan pili bomba yang ditutup pada waktu malam di Kampung Sungai Lembing di sini.

Timbalan Menteri, Tengku Zulpuri Shah Raia Puji berkata, pihaknya akan mengemukakan surat kepada Paip kerana penutupan bekalan air tidak sepatutnya berlaku memandangkan kejadian kebakaran boleh berlaku tanpa mengira waktu.

Menurutnya, mengikut prosedur, air pada pili bomba mesti boleh beroperasi 24 jam dan tidak boleh disekat.

"Kalau untuk penggunaan mungkin ada alasan yang lain tapi untuk pili bomba, kena ada air. Keduanya mesti ada satu sebab yang munasabah daripada Paip sendiri dan jika pihak bomba tahu, mereka juga mesti ada alternatif lain untuk persediaan kalau berlaku perkara tidak diingini di



Tengku Zulpuri (tengah) melihat pili bomba yang terletak di kawasan kebakaran di Kampung Sungai Lembing dengan diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teruntum, Sim Chon Siang semalam.

kawasan seperti ini. "Ini adalah pengajaran bagi kita dan saya harap tidak berulang. Pili bomba

mesti ada air 24 jam sebab kita tidak tahu bila kemandangan akan berlaku," katanya.

Bellati berkata demikian ketika lawatan kerja rasmi ke lokasi kebakaran dan menziarahi mangsa

teribat di Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sungai Lembing di sini semalam.

Tengku Zulpuri meluahkan masa selama sejam bersama mangsa kebakaran di dewan itu untuk mendengar sendiri keluhan dan masalah mereka.

Pada 31 Ogos lalu, 33 premis di Kampung Sungai Lembing di sini musnah dalam kebakaran yang turut meragut nyawa sepasang suami isteri warga emas.

Ketika kejadian, bomba berdepan kesukaran kerana bekalan air terhad dan terpaksa meminta bantuan Pasukan Bomba Sukarela Sungai Lembing serta penduduk kampung mengepam air daripada sungai dan kolam berhampiran.